



## JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

### Khutbah Bulan November

2021M/ 1443H

TARIKH	TAJUK	Bil.
5 November 2021M/ 29 Rabiulawwal 1443H	TAKUT YANG TERHAKIS	.1
12 November 2021M/ 7 Rabiulakhir 1443H	JAUHI AQIDAH YANG SESAT	.2
19 November 2021M/ 14 Rabiulakhir 1443H	CARI YANG HALAL, HINDARI YANG HARAM	.3
26 November 2021M/ 21 Rabiulakhir 1443H	TENANG TANPA HUTANG	.4
Khutbah Kedua		



زكاة فولاو فينغ

No. Telefon: 04-549 8088

---

***Jawatankuasa Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. SS Dato' Seri Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd Noor  
(Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
  
- 2. Prof. Madya Dr. Atikullah bin Abdullah**  
Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 3. Ustaz Rosli bin Othman**  
Ketua Sektor Pendidikan Islam,  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP)
  
- 4. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Ketua Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran,  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
  
- 5. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
  
- 6. Ustaz Mohd Salmi bin Shaimi**  
Guru, Madrasah Irshad Al-Ashraf Al-Wataniah, SPS
  
- 7. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Pensyarah, IPG Kampus Tuanku Bainun
  
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab  
(Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# TENANG TANPA HUTANG

( 26 November 2021M/ 21 Rabiulakhir 1443H )

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي شَرَعَ فِي مُعَامَلَاتِ النَّاسِ الْقَرْضَ وَالذَّيْنَ، وَأَوْجَبَ آدَاءَ الْأَمَانَاتِ  
إِلَى أَهْلِهَا حَتَّى تَفُوزَ بِخَيْرِ الدَّارَيْنِ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ خَلَقَ الْإِنْسَانَ وَهَدَاهُ النَّجْدَيْنِ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ أَفْضَلُ مَنْ مَشَتْ قَدَمَاهُ عَلَى أَرْضِ  
الْحَرَمَيْنِ، صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ وَبَارَكَ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدِ الْمَبْعُوثِ إِلَى الثَّقَلَيْنِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَعَلَى التَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ، مَا تَخَالَفَ فِي الْأَجْوَاءِ أَنْوَارُ  
الْقَمَرَيْنِ. أَمَّا بَعْدُ فَيَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي أَوْلًا بِتَقْوَى اللَّهِ  
وَطَاعَتِهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُوا إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala bentuk tegahan dan larangan-Nya, mudah mudahan kita peroleh kebahagiaan, ketenangan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Sebelum melanjutkan bicara, suka khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang boleh memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-berbual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit. Bagi melengkapinya kewajipan solat Jumaat hari ini, marilah kita menghayati bicara mimbar yang bertajuk: **“TENANG TANPA HUTANG.”**

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Islam menggalakkan sikap membantu sesama saudara muslim. Sikap suka membantu ini akan mengukuhkan lagi hubungan persaudaraan sesama umat Islam seperti menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan. Antara bentuk bantuan dan pertolongan adalah dengan memberi hutang kepada mereka yang memerlukan. Hukum berhutang adalah harus dalam Islam sepertimana yang dinyatakan dalam Surah Al-Baqarah ayat 282 yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga kesuatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarnya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulis dengan adil (benar).”*

### **MA'SYARAL MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Mutakhir ini kita dapat melihat betapa masyarakat agak ghairah berhutang untuk mendapatkan barang keperluan. Tidak dinafikan berhutang adalah diharuskan dalam Islam bagi mereka yang memerlukan dan berhajat kepadanya, akan tetapi dalam masa yang sama perlu juga kita tahu bahawa Islam sesekali tidak menggalakkan seseorang berhutang dengan mengikut hawa nafsu. Ini kerana sekiranya sikap suka berhutang ini tidak dikawal, maka budaya “biar papa asal bergaya” akan menjadi satu kebiasaan yang tidak sihat.

Oleh itu, sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa berhati-hati dalam persoalan hutang agar tidak menjadi satu tabiat dan ketagihan yang akhirnya akan menghuru-harakan hidup di dunia dan di akhirat.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Ingatlah, pada hari pembalasan nanti semua perbuatan selama hidup di dunia akan diperhitungkan. Semua hak akan dikembalikan kepada pemiliknya. Salah satu daripada hak-hak itu ialah hutang dan pinjaman. Di dunia ini, ada sebahagian kita yang melarikan diri dari membayar hutang. Mereka yang enggan membayar hutang sebenarnya telah melakukan satu kezaliman dan hukumnya berdosa. Ini kerana hutang adalah akad yang wajib ditunaikan. Firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 1:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ ...

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian.....”

Daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, bahawasanya Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

مَظْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ، وَإِذَا أَتَبَعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيٍّ فَلْيَتَّبِعْ

Maksudnya: “Menangguh pembayaran (hutang) oleh orang yang mampu adalah kezaliman, jika salah seorang dari kamu memindahkan hutang itu pada orang yang kaya, maka terimalah ia (pemindahan hutang).”

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Memandangkan hutang berkait rapat dengan manusia, maka hutang tidak dapat ditebus dengan taubat dan istighfar sahaja, akan tetapi hutang mestilah dilunaskan sesuai dengan kadar hutangnya. Selagi hutang tersebut belum dibayar, maka hutang itu akan terus mengikat seseorang hingga selepas ia mati. Sesiapa yang meninggal dunia sebelum melunaskan hutangnya, maka rohnya akan terhalang daripada memasuki syurga. Daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

نَفْسُ الْمُؤْمِنِ مُعَلَّقَةٌ بِدَيْنِهِ حَتَّى يُقْضَى عَنْهُ

Maksudnya: “Roh orang yang beriman tergantung dengan hutang, sehingga dilunaskan.” (Hadis Riwayat at-Tirmizi)

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai agama yang cintakan keadilan, Islam sangat menghormati hak milik seseorang. Tiada sesiapa yang boleh mengambil hak milik orang lain tanpa keizinan dan kerelaan hati daripada pemiliknya. Oleh yang demikian, Rasulullah ﷺ menggesa kepada umatnya agar segera melangsaikan hutang ketika masih hidup di dunia. Sedarlah bahawasanya kemiskinan di dunia jauh lebih ringan berbanding muflis di akhirat. Sesiapa yang tidak melangsaikan hutang-hutang ketika di dunia, nescaya para pemilik hak itu akan datang untuk menuntut haknya di akhirat kelak. Bersediakah kita?

Hadis daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ, bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ،  
وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِتْلَافَهَا أَتْلَفَهُ اللَّهُ.

Maksudnya: “Barangsiapa mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk membayarnya semula, maka Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى akan menunaikan untuknya. Barangsiapa yang mengambil harta manusia (berhutang) dengan niat untuk menghabiskannya tanpa membayar balik, maka Allah akan membinasakan dirinya.” (Hadis Riwayat al-Bukhari)

## JEMAAH YANG DIMULIAKAN ALLAH SEKALIAN,

Mengakhiri khutbah pada kali ini, mimbar ingin menyeru kepada para jemaah sekalian agar hutang-piutang dapat dilangsaikan sebelum ajal menjemput kita. Antara yang dapat kita lakukan:

**Pertama:** Sekiranya hutang tersebut mampu dibayar dengan segera, maka janganlah ditangguhkan lagi.

**Kedua:** Seandainya kita tidak mampu membayar sekaligus, berterus teranglah dan berusaha membayarnya secara beransur-ansur dengan keizinan pemiutang.

**Ketiga:** Sekiranya masih juga tidak berkesempatan, Islam mengajar supaya meninggalkan pesanan kepada waris dan mencatatnya agar waris dapat melunaskan hutang itu seandainya si penghutang sudah meninggal dunia.

**Keempat:** Bagi yang buntu serta kurang ilmu bagi mengurus hal ehwal kewangan termasuk hutangnya, dapatkanlah nasihat dari pihak yang berkepakaran dan berdaftar seperti Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

**Kelima:** Bagi yang dibebani hutang, lazimi doa-doa yang diajarkan oleh Rasulullah ﷺ. Antaranya hadis daripada Abu Said al-Khudri رَضِيَ اللهُ عَنْهُ katanya, Baginda bersabda: “Ucapkanlah pada waktu pagi dan petang bacaan ini.”



اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ الْهَمِّ وَالْحَزَنِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْجُبْنِ وَالْبُخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ غَلَبَةِ الدَّيْنِ وَقَهْرِ الرِّجَالِ.

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada engkau dari kedukaan dan kesedihan. Aku berlindung kepada engkau dari sifat lemah dan malas. Aku berlindung kepada engkau dari sifat pengecut dan bakhil. Dan aku berlindung kepada engkau dari bebanan hutang dan penindasan manusia.” Abu Umamah رَضِيَ اللهُ عَنْهُ berkata: “Setelah membaca doa tersebut, Allah menghilangkan kedukaanku dan melunaskan hutangku.”

(Hadis Riwayat Abu Daud)

Mudah-mudahan kita tidak tergolong dalam kalangan orang yang menanggung hutang selepas mati. Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam Surah Al-Maidah ayat 1:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَوْفُوا بِالْعُقُودِ أُحِلَّتْ لَكُمْ بَهِيمَةُ الْأَنْعَامِ إِلَّا مَا يُتْلَى عَلَيْكُمْ غَيْرَ مُحِلِّي الصَّيْدِ وَأَنْتُمْ حُرْمٌ إِنَّ اللَّهَ يَحْكُمُ مَا يُرِيدُ ﴿١﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, penuhi serta sempurnakanlah perjanjian-perjanjian. Dihalalkan bagi kamu (memakan) binatang-binatang ternak (dan sebagainya), kecuali apa yang akan dibacakan (tentang haramnya) kepada kamu. (Halalnya binatang-binatang ternak dan sebagainya itu) tidak pula bererti kamu boleh menghalalkan perburuan ketika kamu sedang berhram (haji dan umrah). Sesungguhnya Allah menetapkan hukum sesuai dengan yang Dia kehendaki.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ  
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.



## Khutbah Kedua Bulan November

2021M/ 1443H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى  
إِلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَعَلِّمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ،  
أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،  
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ آمِنَّا فِي أَوْطَانِنَا وَأَصْلِحْ أَمْتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ  
وَتَوْفِيقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-  
Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa  
Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in

Billah dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Al-Mutawakkil Alallah Sultan Iskandar Al-Haj;

وَصَاحِبِ الْفَخَامَةِ

Tuan Yang Terutama, Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

اللَّهُمَّ اكْشِفْ عَنَّا أَلْبَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، عَن بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَعَن بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنَ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

*Ya Allah dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Kami hamba-Mu yang lemah merayu kepada-Mu agar engkau angkat dan hilangkan segera wabak penyakit Covid-19 yang sedang melanda kami agar dapat kami melaksanakan syiar-Mu dengan sempurna.*

اللَّهُمَّ قُوْ إِيْمَانِنَا، وَوَحْدُ صُفُوْفِنَا، وَاجْمَعْ قُلُوْبَنَا عَلَى مَحَبَّتِكَ وَنُصْرَةِ شَرِيْعَتِكَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

سُبْحَانَ رَبِّكَ رَبِّ الْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ، وَسَلَامٌ عَلَى الْمُرْسَلِينَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.  
(سورة الصافات)